



**MALYSIAN SOCIETY OF  
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS**  
Est. 1982

# SPECTRUM

MSAE



**ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN**

## SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN: 03/2022

### MENGHADIRI JEMPUTAN KHAS SIMPOSIUM KEJUTERAAN PERTANIAN 2022

Pada 2 Julai 2022, Presiden MSAE iaitu Prof. Dr. Rosnah Shamsudin dan Timbalan Presiden (Teknikal) iaitu, Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob mewakili MSAE menghadiri jemputan khas ke Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 di Hotel Palm Garden, Putrajaya. Majlis ini dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan.



Gambar 3 : Mesyuarat bersama syarikat Mega Farm



Gambar 1 : Prof. Dr. Rosnah Shamsudin dan Dr. Mohammad Effendy Yaacob menghadiri majlis ke Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022.



Gambar 4: Kemudahan pemprosesan buah-buahan Kilang Sub-Pemprosesan Di Thu Duc City, Vietnam.



Gambar 2 : Pentas perasmian majlis Simposium Kejuruteraan Pertanian

### MESYUARAT BERSAMA HO CHI MINH CITY NONG LAM UNIVERSITY (HCM CITY NLU).

Mesyuarat bersama Ho Chi Minh City Nong Lam University telah diadakan pada 29 Julai 2022. Tujuan mesyuarat ini untuk membincangkan kerjasama dua hala bersama Ho Chi M Ho Chi Minh City Nong Lam University (HCM City NLU).

### LAWATAN TEKNIKAL KE MEGA FARM JOINT STOCK COMPANY DAN KE KILANG SUB-PEMROSESAN DI THU DUC CITY, VIETNAM

Pada 29 Julai 2022, Exco MSAE mengadakan lawatan teknikal ke Mega Farm Joint Stock Company dan Kilang Sub-Pemprosesan Di Thu Duc City, Vietnam. Semasa lawatan ini, Exco MSAE dijelaskan tentang pratikal pemprosesan dan pembungkusan buah-buahan di Vietnam dan meluaskan jaringan industri makanan dan pertanian di peringkat antarabangsa, peluang penyelidikan dan perkongsian teknologi dalam memperkasakan kepakaran dalam kejuruteraan pertanian dan makanan.



Gambar 5 : Sesi bergambar bersama Ho Chi Minh City Nong Lam University.



Gambar 6 : Prof Madya Dr Rosnah Shamsudin (Presiden) memberi sijil penghargaan dan saguhati kepada Prof. Madya Dr.-Ing. Huan Phan-Tai (Dekan)

**LAWATAN TEKNIKAL KE BUI VAN NGO INDUSTRIAL & AGRICULTURAL MACHINERY CO. LTD DAN BAO DAI RICE PROCESSING CO. LTD.**

Mesuarat, diskusi bersama dan lawatan teknikal ke Bui Van Ngo Industrial & Agricultural Machinery Co. Ltd dan ke Bao Dai Rice Processing Co. Ltd. di Tan Tru District, Long An Province, Vietnam telah diadakan pada 30 Julai 2022. Melalui lawatan ini, MSAE dapat meluaskan jaringan industri pertanian dan makanan di peringkat antarabangsa.



Gambar 7 dan 8: Sesi bergambar EXCO MSAE di Dan Bao Dai Rice Processing Co. Ltd dan di Bui Van Ngo Industrial & Agricultural Machinery Co. Ltd

**MOU ANTARA MSAE DAN SIAEP & VSAGE**

Pada 1 Ogos 2022, Exco MSAE menghadiri mesyuarat dan menandatangani MoU antara Sub-Institute of Agricultural Engineering & Post-harvest Technology (SIAEP) dan VSAGE di Ho Chi Minh City dan Vietnam Society of Agricultural Engineering (VSAGE) .



Gambar 9 : Sesi menandatangani MoU antara Sub-Institute of Agricultural Engineering & Post-harvest Technology (SIAEP) dan VSAGE di Ho Chi Minh City dan Vietnam Society of Agricultural Engineering (VSAGE)



Gambar 10 : Sesi bergambar antara Exco MSAE dan VSAGE

**SELAMAT HARI KEMERDEKAAN KE-65**

Exco MSAE mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke -65 kepada semua ahli MSAE.



Gambar 11 : Poster sambutan hari kemerdekaan ke 65

## ANUGERAH HIJAU MSAE 2022 BAGI MSAE-SC (PKB)

Anugerah Hijau MSAE-SC (PKB) telah diberikan pada 10 September 2022 semasa Majlis Konvokesyen kali ke 35 di Politeknik Kota Bharu, Ketereh, Kelantan. Penerima anugerah ialah Muhammad Shafiq Safwan Bin Rosdi. Penerima menerima sijil penghargaan dan wang sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus sahaja



Gambar 12 : Penerima anugerah Muhammad Shafiq Safwan Bin Rosdi di Majlis Konvokesyen kali ke 35 Politeknik Kota Bharu, Ketereh, Kelantan.

## KUNJUNGAN HORMAT MSAE KEPADA PENGARAH POLITEKNIK KOTA BAHRU (PKB)

Pada 12 September 2022 yang lalu, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat secara maya kepada Pengarah Politeknik Kota Bharu iaitu YBrs. Tuan Haji Rosli Bin Idris. Tujuan kunjungan ini untuk mengeratkan kerjasama di antara MSAE dan PKB.



Gambar 13: Kunjungan hormat kepada YBrs. Tuan Haji Rosli Bin Idris

## SELAMAT HARI MALAYSIA

Exco MSAE mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada semua ahli MSAE.



Gambar 14 : Poster sambutan hari Malaysia.

## KUNJUNGAN HORMAT MSAE KEPADA KETUA PENGARAH JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

Pada 13 September 2022 yang lalu, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat secara fizikal kepada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, YBrs. Datuk Tuan Haji Mohd Sufian Bin Sulaiman di Putrajaya. Tujuan kunjungan ini untuk mengeratkan kerjasama dan menggalakan penglibatan pegawai perikanan khususnya jurutera dalam menjadi ahli MSAE. Di samping itu, MSAE turut menyampaikan Anugerah Keahlian Kehormat kepada YBrs. Datuk Tuan Haji Mohd Sufian. Turut menghadiri kunjungan hormat ini ialah Presiden MSAE, Prof Ts. Dr. Rosnah Shamsudin, Naib Presiden (Teknikal), Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob, Dr. Muhammad Hazwan Hamzah, (Penolong Bendahari Eksekutif) dan Dr. Nur Azuan Husin (EXCO).



Gambar 15 : Presiden MSAE, Prof Ts. Dr. Rosnah Shamsudin menyampaikan Anugerah Keahlian Kehormat kepada YBrs. Ketua Pengarah (DOF).



Gambar 16 : Sesi bergambar bersama Ketua Pengarah di Jabatan Perikanan Malaysia, Putrajaya